

**“ ISU KHATAN PEREMPUAN (*KHITAN AL-UNTHA*) DAN  
KAITANNYA DENGAN HAK ASASI MANUSIA” \***

Oleh: Amin al-Jarumi\*\*  
([aminaljarumi@unishams.edu.my](mailto:aminaljarumi@unishams.edu.my))

---

\*Kertas kerja yang dibentangkan dalam “Seminar Syariah & Undang-undang S iri Ke 2” Anjuran Kulliyah Syariah dan Undang-undang, UniSHAMS, pada 14 Mac, 2019.

\*\*Prof. Dr. Md Amin Abdul Rahman al-Jarumi adalah Profesor Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah, Kuala Ketil, Baling, Kedah.

***Abstrak***

*Isu khitan perempuan (Khitan al-Untha) bukanlah suatu isu baru dalam kehidupan umat manusia. Dikatakan ianya telah diamalkan dalam masyarakat Islam dan bukan Islam sejak zaman dahulu kala, khususnya dalam kalangan masyarakat Fir'aun, masyarakat Islam Mekah dan Madinah semasa hayat Rasulullah SAW, dalam kalangan orang-orang asli serta penduduk kampung Afrika dan Benua India. Namun, di akhir-akhir ini isu ini menjadi suatu kontrovesi, apabila timbul beberapa organisasi dan pertubuhan yang membela kebebasan, hak asasi manusia dan kaum wanita membantah terhadap amalan ini yang dianggap sebagai suatu tindakan 'Mencacatkan Kemaluan Wanita' (Female Genital Mutilation). Justeru, kertas ini akan cuba menyingkap amalan ini dilihat dari sudut pandangan para ulama', ahli perubatan dan pemimpin gerakan pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia. Perbincangan akan menyentuh perbezaan alasan-alasan pihak-pihak yang menyokong dan pihak-pihak yang membantah terhadap amalan ini. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dibentang, akhir sekali akan dibuat rumusan yang mungkin boleh dijadikan panduan kepada umat Islam di Malaysia mengenai isu ini.*

**Kata Kunci:** *Khitan Perempuan, Khitan Fir'auni, Tuntutan Shara', Hak Asasi Manusia.*

### Definisi *Khitan*:

Dalam kamus theologi kalimah *khitan* disebut dalam bahasa Inggris sebagai ‘*Circumcision*’ yang berasal dari bahasa Latin ‘*Circoncidere*’ yang bermaksud ‘Memotong Sekeliling Sesuatu’ (*autowr*).<sup>1</sup> Dalam bahasa Melayu ia diistilahkan sebagai berkhatan atau bersunat. Makna ‘*khitan* lelaki’ (*khitan al-rajul*) dalam istilah syarak ialah memotong kulit pada hujung zakar (*qulfah*) iaitu kulit yang melekat pada kepala zakar (*hashafah*) yang menyembunyikan di bawahnya kumuhan (cecair kotor) dan kuman-kuman (microbes) dan ianya akan tertanggal melalui proses berkhatan. Sementara ‘*khitan* perempuan’ (*khitan al-untha*) pula ialah memotong (membuang) sebahagian dari kulit pada penghujung kemaluan wanita (*clitoris*) dan ianya juga dinamakan juga dengan *khafdan*.<sup>2</sup>

### Dalil-dalil Pensyariatan *Khitan* Perempuan

Pensyariatan *khitan* perempuan berdasarkan kepada hadith-hadith dan pendapat *ulama*’:

Dari hadith, Rasulullah SAW ada bersabda:

"إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعْبَيْهَا الْأَرْبَعِ وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ"<sup>3</sup>

Maksudnya:

“Bila seseorang lelaki duduk di antara empat bahagian anggota (dua lengan dan kaki isterinya) dan bertembung khitan dengan khitan, maka sesungguhnya wajiblah mandi.”

Mengenai hadith ini Imam Ahmad ibn Hanbal menyatakan:

“Didalamnya terdapat keterangan bahawa perempuan-perempuan itu juga berkhatan.”<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Lihat: Dictionnaire Theologique Par ABBE dan Dr. Muhammad ‘Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, Jeddah: Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi’, hlm. 46.

<sup>2</sup>Abu Fadl ‘Abd al-Rahim ibn al-Husyan al-‘Iraqi, 1354H., *Tarh al-Tathrib fi Sharh al-Taqrīb*, al-Qaherah: Jam’iyyat al-Nashr wa al-Ta’lif al-Azhariyyah, juzu’ 11, hlm. 130.

<sup>3</sup>Riwayat Muslim, Kitab: al-Haid, Bab: Naskh: “al-Ma’ min al-Ma” wa Wujub al-Ghusl bi Iltiqā’ al-Khitanayn, hadith: 785.

Apa yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam musnadnya:

"<sup>5</sup> أن النبي قال: الختان سنة للرجال مكرمة للنساء"

Maksudnya:

Bahawasanya Rasulullah ada bersabda, "*Khitan itu sunnah bagi lelaki dan suatu kemuliaan bagi perempuan.*"

Hadith Ummu 'Atiyyah al-Ansariyyah yang menyatakan:

" أن امرأة كانت تختن بالمدينة، فقال لها النبي لا تنهكي، فإن ذلك أحظى للمرأة وأحب إلى البعل"<sup>6</sup>

Maksudnya:

"Bahawasanya seorang perempuan mengkhatakan (wanita) di Madinah dan Rasulullah SAW bersabda kepadanya, "*Janganlah kamu berlebih-lebihan dalam membuangnya kerana ianya lebih memuaskan bagi perempuan dan lebih digemari kepada sisuami.*"

Apa yang diriwayatkan dari Anas ibn Malik a.s. bahawasanya Nabi SAW bersabda kepada Ummu 'Atiyyah – seorang tukang khatan perempuan di Madinah:

" إذا خفضت فأشجني ولا تنهكي فإنه أسرى للوجه وأحظى عند الزوج"<sup>7</sup>

Maksudnya:

"*Jika kamu mengkhatakan, maka tinggalkan bahagian yang tinggi dan jangan berlebih-lebihan dalam membuangnya kerana*

---

<sup>4</sup>Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th., *al-Mughni Ma'a al-Sharh al-Kabir*, al-Riyad: Maktab al-Riyad al-Hadithah, juzu' 1, hlm. 71.

<sup>5</sup>Riwayat Ahmad ibn Hanbal, *Musnad Ahmad ibn Hanbal*, 1375, al-Qaherah: Dar al-Ma'rifah, Kitab: Awwal Musnad al-Basriyyin, hadith Usamah al-Hadhli, hadith: 19794.

<sup>6</sup>Riwayat Abu Dawud, Kitab: al-'Adab, Bab: Ma Jaafi al-Khitan, hadith: 5271.

<sup>7</sup>Riwayat al-Tabrani, lihat: *al-Mu'jam al-Kabir*, 1400H., t.pen., juzu' V111, hlm. 358, hadith: 8137.

*bahawa-sanya ia lebih menawan bagi wajah dan lebih memuaskan di sisi suami.*”

Hadith Ibn ‘Umar, bilamana Rasulullah SAW bersabda:

”يا نساء الانصار، اختضبن غمسًا، واخفضن، ولا تنهكن، فإنه أحظى عند أزواجكن، وإياكن وكفران النعم”<sup>8</sup>

Maksudnya:

”Wahai wanita Ansar berinailah secara mencelupnya dan berkhatan-lah kamu dan janganlah melampaui batas (memotong semua bahagian kelentit) kerana ianya lebih memuaskan di sisi suami-suami kamu dan jauhkanlah dari mengkufuri ni ‘amat-ni ‘amat (yang diberi Allah).”

### Hukum Khitan Perempuan

Berdasarkan kepada hadith-hadith ini jelas menunjukkan bahawa *khitan* perempuan adalah sesuatu yang disyariatkan, namun pada *fuqaha*’ berselisih pendapat tentang hukumnya seperti berikut:

1. *Fuqaha*’ Mazhab Shafi’i,<sup>9</sup> Hanbali<sup>1</sup> dan sebahagian Maliki<sup>1</sup> menyatakan hukumnya wajib.

Misalnya, di dalam *al-Majmu*’ disebut:

”*Khitan itu wajib ke atas lelaki dan perempuan di sisi kami, dan dengannya dikatakan oleh ramai dari golongan ulama’ salaf.*”

Di dalam *Sharh Muntaha al-‘Iradat* dinyatakan:

---

<sup>8</sup>Riwayat al-Bayhaqi dan lain-lain, *al-Sunan al-Kubra*, Kitab: al-Ashribah, Bab: al-Sultan Yakrahu ‘ala al-Ikhtitan, juzu’ V111, hlm. 325, hadith: 8646.

<sup>9</sup>Abu Bakar Mahy al-Din ibn Sharaf al-Nawawi, t.th., *al-Majmu’ Sharh al-Muhadhdhab*, Jeddah: Maktabah al-‘Irshad, juzu’ 1, hlm. 300.

<sup>10</sup>Mansur ibn Yunus ibn ‘Idris al-Bahuti, t.th., *Sharh Muntaha al-‘Iradat*, juzu’ 1, hlm. 40.

<sup>11</sup>Ini pandangan Sahnun dari kalangan sahabat al-Imam Malik – lihat: Muhammad ibn Ahmad (Ibn Juzay), 1405H., *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*, al-Qaherah: ‘Alam al-Fikr, hlm. 167, dn Abu Fadl al-‘Iraqi, 1354H., *Tarh al-Tahrib fi Sharh al-Taqrīb*, juzu’ 11, hlm. 75.

“Wajib khitan lelaki dan perempuan.”

2. *Fuqaha*’ Mazhab Hanafi<sup>12</sup> dan Imam Ahmad ibn Hanbal<sup>13</sup> dalam satu riwayat-nya menyatakan hukumnya sunat:

Misalnya, di dalam *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta*’ disebut:

“Sementara itu *khuffad* (khitan perempuan), maka sesungguhnya Malik ada berkata, “*Digalakkan bagi wanita mengetip kuku, mencukur bulu tundun (bahagian sebelas atas kemaluan perempuan) dan berkhitan sepertimana apa yang terdapat ke atas lelaki. Katanya lagi, “Sesiapa yang membeli seseorang hamba perempuan, maka hendaklah dikhatakannya jika dia ingin menyimpannya dalam rumah, jika untuk dijual, maka tidak perlu dia berbuat demikian, dan wanita-wanita (puan-puan hamba) hendaklah mengkhatakannya hamba-hamba.”*

Misalnya, disebut di dalam *al-Insaf*:

“*Dan wajib (khitan) ke atas lelaki dan tidak perempuan.”*

Misalnya, disebut dalam *Tuhfat al-Mawlud*:

“Bahawa Abu ‘Abd Allah (Imam Ahmad ibn Hanbal) ditanya tentang wanita yang disetubuhi oleh suaminya sedangkan dia

---

<sup>12</sup>Kamal al-Din Muhammad ‘Abd al-Wahid al-Siwasi al-Sakandari (Ibn al-Humam), 1389H., *Sharh Fath al-Qadir*, al-Qaherah; Maktabah wa Matba’ah al-Babi al-Halabi wa ‘Awwalidih, juzu’ 1, hlm. 63, Shamsuddin Muhammad ibn Abi Sahl al-Sarkhasi, 1409H., *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Fikr, juzu’ 1, hlm. 156, ‘Ala al-Din Abi Bakr ibn Mas’ud al-Kasani al-Hanafi, 1406H., *Badai’ al-Sanai*’, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, juzu’ V11, hlm. 328 dan al-Shaikh Nazzam dan Jama’atun min Ulama’ al-Hind al-A’alam, 1393H., *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Beirut: Dar al-Ma’rifah li al-Tiba’ah wa al-Nashr, juzu’ V, hlm. 357.

<sup>13</sup>Sulayman ibn Khalaf al-Baji al-Andalusi, 1332H., *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta*’, Beirut: Dar al-Fuikr al-‘Arabi, juzu’ V11, hlm. 232, Muhammad ibn Ahmad (Ibn Juzay), *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*, 1420H, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, hlm. 176. ‘Ala al-Din Abi al-Hasan ‘Ali ibn Sulayman al-Mardawi, 1377H., *al-Insaf fi Ma’rifat al-Rajih min al-Khilaf*, Beirut: Dar ihya’ al-Turath al-‘Arabi, juzu’ 1, hlm. 124, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, t.th., *Tuhfat al-Mawdud fi Ahkam al-Mawlud*, al-Qaherah: al-Maktabah al-Qayyimah, hlm. 125, al-Ibn Qudamah, t.th., *al-Mughni Ma’a al-Sharh al-Kabir*, juzu’ 1, hlm. 85, dan Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad (Ibn Muflih), 1388H., *al-Furu*’, Beirut: ‘Alam al-Kutub, juzu’ 1, hlm. 133.

tidak berkhatan, wajibkah ke atasnya berkhatan? *Katanya,*  
“*Khitan adalah sunnah yang baik.*”

3. Khitan itu wajib ke atas lelaki dan suatu kemuliaan bagi perempuan dan ini adalah suatu riwayat dari al-Imam Ahmad ibn Hanbal<sup>14</sup> dan juga pendapat *fuqaha*’ Mazhab Maliki<sup>15</sup> dan Zahiriyah.<sup>16</sup> Misalnya, di dalam *al-Mughni* disebut:

“*Sementara khitan, maka ia adalah wajib bagi lelaki dan suatu kemuliaan bagi hak perempuan dan ianya tidaklah wajib ke atas mereka. Ini adalah pandangan kebanyakan ulama*’ dan Ahmad ibn Hanbal berkata, “*Lelaki lebih ditekankan dan perempuan lebih diringankan.*”

Kesimpulan dari kata-kata ini, bahawa sekurang-kurang *khitan* perempuan itu adalah sesuatu yang disyariatkan di dalam Islam. Justeru, disebut di dalam *al-Mughni*, “*Dan disyariatkan khitan sebagai hak perempuan*”<sup>17</sup>

### **Kadar Yang Dipotong Dalam Berkhatan Perempuan**

Para *ulama*’ dan *fuqaha*’ menyatakan bahagian yang dipotong ialah kulit yang terdapat di atas saluran kencing, yang berupa bentuk seperti balung ayam jantan (*urf al-dik*) dengan dikekalkan perdunya iaitu yang dinamakan oleh para doktor dengan *al-bazr* (clitoris).

Disebut di dalam *al-Majmu’ Sharh al-Muhadhdhab*:

“*Yang wajib pada perempuan ialah memotong apa yang dinamakan dari kulit yang berupa seperti balung ayam yang terletak di atas lubang kencing dan digalakkan pada perempuan*”

---

<sup>14</sup> al-Mardawi, 1377H., *al-Insaf fi Ma’rifat al-Rajih min al-Khilaf*, juzu’1, hlm. 124 dan Ibn Qudamah, t.th., *al-Mughni Ma’a al-Sharh al-Kabir*, juzu’1, hlm. 85.

<sup>15</sup> al-Qayrawani, 1374H., *al-Fawakih al-Dawani*, al-Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa ‘Awladih, juzu’11, hlm. 400 dan Abu Muhammad al-Dardiri al-‘Udwi, 1398H., *al-Sharh al-Saghir Ma’a Bulghat al-Masalik*, Beirut: Dar al-Ma’rifat li al-Tiba’ah wa al-Nashr, juzu’11, hlm. 151.

<sup>16</sup> Ali ibn Hazm al-Zahiri, t.th., *al-Muhalla*, Beirut: Dar al-Ufuq al-Jadidah, juzu’11, hlm. 218.

<sup>17</sup> *Ibid*, hlm. 71.

*berpada dengan sesuatu yang sedikit dan tidak melampau dalam memotong berdasarkan kepada hadith Ummu 'Atiyyah (yang disebut sebelum ini)."*<sup>18</sup>

Di dalam *al-Muntaqa* ada disebut:

*"Dan hendaklah tidak berlebih-lebihan dalam memotong."*<sup>19</sup>

Di dalam *Mughni al-Muhtaj* ada disebut:

*"Wajib dikhatan perempuan dengan sebahagian iaitu: Memotong (daging) yang terdapat (pada bahagian atas kemaluan) iaitu yang terletak di atas lubang kencing yang menyerupai balung ayam, dan jika ianya dipotong maka kekalkanlah asalnya (perdunya) seperti nukleus (bahagian tengah yang dikelilingi oleh benda atau bahagian-bahagian yang lain) dan memada apa yang diletakkan ke atasnya nama dan mersedikitnya adalah lebih afdal."*<sup>20</sup>

Di dalam *al-Mughni Ma'a al-Sharh al-Kabir* disebut:

*"Dan pada hadith 'Umar, bahawasanya tukang khatan perempuan mengkhatankan. Maka dia berkata, "Kekalkan sesuatu apabila meng-khatankan."*<sup>21</sup>

Di dalam *Sharh Muntaha al-'Iradat* ada disebut:

*"Diwajibkan mengkhatan perempuan dengan diambil kulit yang letaknya di atas tempat penetrasi (al-ilaj) yang menyerupai balung ayam jantan."*<sup>22</sup>

Di dalam *al-Furu'* ada disebut:

---

<sup>18</sup> Abu Bakr Mahy al-Din ibn Sharaf al-Nawawi, t.th., *al-Majmu' Sharhal-Muhadhdhab*, Beirut: Dar al-Fikr, juzu'1, hlm. 300.

<sup>19</sup> Sulayman ibn Khalaf al-Baji al-Andalusi, 1332H., *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta'*, Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi, juzu'V11, hlm. 232.

<sup>20</sup> Muhammad Sharbini al-Khatib, 1377H., *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj*, al-Qaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa 'Awaladiah, juzu'V, hlm. 213.

<sup>21</sup> Ibn Qudamah, *al-Mughni Ma'a al-Sharh al-Kabir*, juzu'1, hlm. 85.

<sup>22</sup> al-Bahuti, *Sharh Muntaha al-Iradat*, juzu'1, hlm. 40.



“Diambil pada khitan perempuan kulit yang terletak di atas tempat penetrasi (*al-ilaj*) yang menyerupai balung ayam dan digalakkan supaya tidak mengambil kesemuanya.”<sup>23</sup>

### Faedah *Khitan* Perempuan:

1. Akur kepada Sunnah Rasulullah SAW bagi golongan yang mengatakan Sunnah dan ketaatan dan melaksanakan suruhan wajib bagi yang mengatakan hukumnya wajib.
2. Menghilangkan keresahan nafsu seks. Ini boleh menjaga ‘runtunan nafsu’ kerana meninggalkan tutupan sekeliling kelentit (tanpa dipotong) boleh membawa kepada rang-sangan seks dan juga akan mengkerapkan beramal dengan adat sulit (*onani*) kerana kerapnya bergesel antara tutupan dengan kelentit.<sup>24</sup>
3. Meninggalkan tutupan ini yang menguliti kelentit, tanpa dibuangnya menjadi-kannya tidak bersih sepanjang masa, hasil dari masuknya sebahagian percikan dari saluran kencing dan sebahagian dari air kencing yang berhimpun padanya. Percikan-percikan dan saki baki air kencing akan menjadi suatu keadaan yang amat sesuai untuk berkembangnya pelbagai jenis kuman penyakit yang boleh dikaitkan dengan bakteria.
4. Cecair berminyak yang keluar dari dua dinding faraj (*labium*) jika tidak dibuang berserta sebahagian dari kelentit melaluiberkhatan akan terkumpul dan berbau tengik iaitu suatu bau yang tidak boleh dibiarkan, bahkan akan menyebabkan wujudnya keadaan radang kemaluan (*viginitis*) yang mungkin mengesani saluran kencing.<sup>25</sup>

### Apakah *Khitan* Perempuan Akan Mengakibatkan Hilangnya Nafsu Seks?

<sup>23</sup>Ibn Muflih, 1388H., *al-Furu'*, juzu'1, hlm. 133.

<sup>24</sup>Kamal Jamal, *al-Khitan wa Ahkamuh fi Dawi al-Sunnah*, dinukilkan dari *Wida'an li al-Khilaf fi Amr al-Khitan*, Nur al-Sayyed Rashid, hlm. 11.

<sup>25</sup>Dinukilkan oleh Abu Bakar Abdul Razak,(t.th.), *al-Khitan – Raky al-Din wa al-'Ilm fi Khitan al-Awlad wa al-Banat*, al-Qaherah: Dar al-I'tisam, hlm. 50, 51.

Ini merupakan satu persoalan yang selalu dibangkitkan oleh pihak-pihak yang anti *khitan* perempuan. Sebagai jawabannya diperturunkan kenyataan yang dibuat oleh Profesor Huhner, Pakar Sakit Puan di Universiti New York, Amerika Syarikat dalam bukunya '*al-Amrad al-Jinsiyyah*' (Penyakit-penyakitKelamin) cetakan terakhir halaman 391:

*“Koyakan (kemaluan) yang berlaku ke atas wanita selepas bersalin yang menyebabkan berlakunya keluasan pada permukaan kemaluan dan mengaki-batkan hilangnya nafsu seks (sexual frigidity) pada wanita tidak sepertimana yang dijangkakan. Maka kemudaratan yang berlaku ke atas kelentit dan penyakit-penyakit lain adalah suatu yang nadir yang tidak akan membawa kepada hilangnya nafsu seks. Dalam keadaan kelentit yang tidak sempurna pertumbuhannya yang tidak boleh dilihat jika ianya dijangkiti penyakit sehingga membawa kepada lumpuhnya yang sempurna dan hilangnya sensitiviti yang sempurna hanya memberi kesan yang sedikit ke atas keinginan wanita dalam hubungan seksual atau akan menyebabkan berlakunya tiada nafsu seks.”<sup>25</sup>*

Dalam konteks ini, Rasulullah SAW (sebagai seorang Tabib Agung) telah bersabda dalam hadith Jabir ibn Abdullah yang mengisahkan, bahawa dia bersama-sama berkafilah dengan Nabi SAW pulang dari satu *ghazwah* dalam keadaan tergepoh gepah, maka Nabi SAW bertanya kepadaku, “*Apa gerangan kamu yang membuat kamu tergepoh gapahingin pulang?*” Jawab Jabir, “*Akubaru sahaja berkahwin.*” Nabi bertanya, “*Anak dara atau janda?*” Aku berkata, “*Janda*”. Kata Nabi SAW, “*Kenapa kamu tidak berkahwin dengan anak dara, bolehlah kamu bersenda gurau dengannya dan dia bersenda gurau dengamu (sebelum melakukan hubungan kelamin).*”<sup>26</sup>

Begitu juga Rasulullah SAW telah mengisyaratkan untuk mengubati keadaan tiada nafsu seks, apabila Rasulullah SAW menasihati para sahabat Baginda mendahului dengan bercumbu-cumbuan dengan isteri-isteri mereka sebelum melakukan hubungan kelamin, maka ditanya kepada Baginda bagaimana caranya, jawab

<sup>25</sup>*Ibid*, hlm. 60,61.

<sup>26</sup>Riwayat al-Bukhari, Kitab: al-Jihad, Bab: Man Ghaza wa Huwa Hadith ‘Ahdin bi ‘Ursihi, hadith: 114, Muslim, Kitab: al-Rada’, Bab: Istihbab Nikah al-Bikr, hadith: 3642, Abu Dawud, Kitab: al-Nikah, Bab: Fi Tazwij al-Abkar, hadith: 2048, al-nasafi, Kitab: al-Nikah, Bab: Nikah al-Abkar, hadith; 3221.

Baginda, “*Ciuman atau yang seumpamanya.*”<sup>27</sup>

Sebenarnya ketiadaan nafsu seks dalam hubungan kelamin suami isteri seperti-mana yang diperakui oleh para doktor adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

1. Tiada kesesuaian antara alat kelamin lelaki dan perempuan. Kemungkinan rongga kemaluan wanita melebar disebabkan proses peranakan, sedangkan anggota kelamin lelaki kecil.
2. Koyakan yang berlaku ke atas alat kelamin wanita selepas bersalin.
3. Lemahnya anggota kelamin lelaki.
4. Cepatnya pancutan air mani dari pihak lelaki.
5. Air mani terbuang di luar.
6. Melakukan *onani* dengan tangan oleh pihak perempuan.
7. Sebab-sebab kejiwaan seperti tiada kasih sayang antara suami isteri atau ketakutan pihak isteri dari berlakunya kehamilan atau ajaran-ajaran yang salah dalam pengetahuan tentang seksologi.<sup>28</sup>

Di sini tidak pun disebut hilangnya nafsu seks adalah disebabkan oleh *khitan* perempuan.

### **Pandangan Ulama' Mutakhirin Tentang Khitan Perempuan**

Dr. Yusuf al-Qardawi dalam *Fatawa Mu'asirah*:

*“Pada pandanganku jika mengkhatakan anak-anak perempuan lebih dapat menjaga mereka, maka lakukanlah dan aku menyokongnya khususnya pada zaman ini. Siapa yang meninggalkannya maka tidaklah bersalah kerana ia tidak lebih dari suatu penghormatan kepada kaum wanita sepertimana yang dikatakan oleh para ulama' dan sepertimana yang didatangkan pada sebahagian dari athar.”*<sup>29</sup>

<sup>27</sup>Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Nikah, Bab: Tazwij al-Thayyibat, hadith: 5079 dan Muslim, Kitab: al-Rada', Bab: Istihbab Nikah al-Bikr, hadith: 3642.

<sup>28</sup>Abu Bakr 'Abd al-Razak, 1989, *al-Khitan: Raky al-Din wa al-'Ilm fi Khitan al-Awlad wa al-Banat*, al-Qaherah: Dar al-I'tisam, hlm. 61.

<sup>29</sup>Dr. Yusuf al-Qardawi, 2001, *Fatawa Mu'asirah*, Kuwait: Dar al-Qalam, juzu'1, hlm. 443.

Allahyarham al-Shaikh Muhammad Shaltut dalam kitabnya *'al-Fatawa'* menyata-kan:

*“Bahawasanya khitan perempuan tiada faedah dari segi menghilang-kan dari kumuhan (cecair kotor) sepertimana yang ada pada lelaki.”<sup>30</sup>*

Allahyarham al-Ustaz al-Shaikh Ibrahim Hamrush (Mantan Anggota *Jama'ah Kubbar al-Ulama'* dan Mantan Pengerusi *Lujnat al-Fatwa al-Azhar*) menyata-kan:<sup>31</sup>

*“Islam telah datang, sedangkan orang-orang pada zaman itu beramal dengan khitan, maka orang-orang Islam berkhatan setelah kedatangannya. Para fuqaha' berselisih pendapat pada hukumnya. Fuqaha' mazhab Shafi'i menyatakan ianya wajib ke atas lelaki dan perempuan. Mereka membawa dalil-dalil yang tidak selamat dari sanggahan.”*

*Fuqaha'* mazhab Maliki menyatakan, *“Khitan hukumnya wajib ke atas lelaki dan digalakkan (mustahab) bagi perempuan.”* *Fuqaha'* mazhab Hanafi dan Hanbali pula menyatakan, *“Ia adalah sunnah bagi lelaki, kemuliaan (makrumah) bagi perempuan.”* Kaum wanita melakukannya bagi memuliakan suami-suami yang biasa wanita-wanita mereka berkhatan. Mereka agak benci melihat 'lebihan' (pada kemaluan) bagi isteri-isteri mereka.

*Fuqaha'* mazhab Hanafi dan Hanbali menyatakan:

*“Sebab perbezaan antara lelaki dengan perempuan dalam hukum (berkhatan) memandangkan pada kanak-kanak lelaki terdapat kulit (kemaluan) yang bergulung yang berhimpun cecair dan kotoran-kotoran yang memudaratkan tubuh badan dan menghilangkan keselesaan. Sedangkan perempuan tidak terdapat kulit ini, maka khitannya bukan untuk menolak penyakit dan berkekalan kesihatannya dan tidak juga sepertimana yang didakwa oleh orang ramai bahawa meninggalkan khitannya akan membakar syahwatnya yang menolak-nya untuk keluar*

---

<sup>30</sup> al-Shaik Muhammad Shaltut, 1402H., *al-Fatawa*, al-Qaherah: Dar al-Shuruq, hlm. 304.

<sup>31</sup> Sepertimana yang dinukilkan oleh: Abu Bakr 'Abd al-Razak, 1989, *al-Khitan: Raky al-Din wa al-'Ilm fi Khitan al-Awlad wa al-Banat*, hlm. 75.

*dari batas kesederhanaan dan merosakkan akhlak-nya. Ini kerana kalau meninggalkan khitan perempuan menyebabkan perkara-perkara tersebut, maka tidaklah khitannya sebagai suatu penghormatan, bahkan sebaliknya ia menjadi wajib atau sunnah mu'akkadah.”<sup>32</sup>*

Allahyarham al-Shaikh Abdul Wahab Khallaf, Profesor Syariah, Kulliyyah Undang-undang, Universiti Kaherah:

*“Sementara mengenai khitan perempuan, dikatakan ia bukanlah sunnah, tetapi suatu penghormatan bagi lelaki dan ada yang mengatakannya sunnah. Di dalam kitab al-Durr al-Mukhtar dan Hasyiat ibn ‘Abidin ada disebut, “Khitan perempuan bukanlah sunnah, tetapi ia suatu penghormatan bagi lelaki” dan Ibn ‘Abidin menafsirkan pandangannya ini dengan katanya, “Keadaannya sebagai penghormatan kepada lelaki kerana bahawasanya ia menambah keseronokan lelaki dengan wanita (yang berkhatan) dalam hubungan kelamin.”<sup>33</sup>*

Allahyarham al-Ustaz ‘Allam Nassar, Mantan Mufti Mesir:

Jabatan Mufti telah menjawab persoalan tentang khitan perempuan dengan fatwa yang direkodkan di Dar al-Ifta’ Mesir, No.280/63 bertarikh 11 September 1950 dengan teks fatwa:

*“Bahawasanya khitan perempuan adalah salah satu dari syiar-syiar Islam yang telah didatangkan Sunnah Nabawiyah dan disepakati oleh para fuqaha’ dan imam-imam di atas pensyariatannya. Walaupun mereka berselisih pendapat dari segi samada ianya wajib ataupun sunat. Maka kami telah memilih bagi fatwa, pendapat yang mengata-kan ianya sunat kerana ditarjihkan sandarannya dan jelas pandangan-nya. Hikmah dari pensyariatannya ialah apa yang terdapat padanya*

---

<sup>32</sup>*Ibid.*

<sup>33</sup>Muhammad Amin Ibn ‘Abidin, t.th., *Hashiyat Radd- al-Mukhtar- ‘ala- al-Durr -al-Mukhtar*, al-Qaherah: Dar al-Fikr, juzu’V, hlm. 530.

*kelembutan terhadap kecenderungan seks pada diri wanita dan pengarahannya kepada kesederhanaan yang terpuji.*"<sup>34</sup>

Ditambah pada fatwa ini hadith-hadith yang banyak yang menunjukkan tentang pensyariatannya. Antaranya hadith Nabi SAW yang bermaksud:

"خمسة من الفطرة: الختان، وحلق العانة، ونتفؤ الإبط، وتقليم الأظافر وحلق الشارب"<sup>35</sup>

Maksudnya:

*"Lima perkara dari fitrah: Khitan, mencukur bulu kemaluan, mencukur bulu ketiak, mengetip kuku dan mengandam misai."*

Sabdanya lagi:

"يا نساء الانصار، اختضبن غمماً، واخفضن، ولا تنهكن، فإنه أحظى عند أزواجكن، وإياكن وكفران التعم"<sup>36</sup>

Maksudnya:

*"Wahai wanita Ansar berinailah secara mencelupnya dan berkhatan-lah kamu dan janganlah melampaui batas (memotong semua baha-gian kelentit) kerana ianya lebih membawa habuan (keseronokan) di sisi suami-suami kamu dan jauhkanlah dari mengkufuri ni'amat-ni'amat (yang diberi Allah)."*

Allahyarham Muhammad Ibrahim Salim Bek (Mantan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Mesir) pula menyatakan:<sup>37</sup>

<sup>34</sup>Dinukilkan oleh Abu Bakr 'Abd al-Razak, 1989, dalam *al-Khitan: Raky al-Din wa al-'Ilm fi Khitan al-Awlad wa al-Banat*, hlm. 76.

<sup>35</sup>Riwayat al-Nasa'i Kitab: al-Taharah, Bab: Natp al-'Ibt, hadith: 11.

<sup>36</sup>Riwayat al-Bayhaqi, Kitab: al-Ashribah, Bab: al-Sultan Yakrahu 'ala al-Ikhtitan, hadith: 8646.

1. *Khitan* perempuan adalah suatu adat lama dari adat-adat orang Arab yang diwarisi dari bapa-bapa dan datuk-datuk mereka sejak zaman dahulu kala lagi. Adat ini adalah di antara perkara-perkara yang ditaqdiskan dimana mereka memberi penekanan dari segi berpegang dengannya sama seperti penekanan ke atas maruah, kemuliaan dan kehormatan diri.
2. Islam telah datang dan memperakui adat ini yang mana terdapat padanya kepentingan dan kebaikan bagi wanita dan masyarakat serta menjadikan *khitan* anak-anak perempuan suatu penghormatan dan galakan. Ia bukannya suatu yang fardu tidak juga wajib atau sunat, bahkan ia adalah digalakkan (*mustahab*). Adalah baik untuk diamalkan dan tiada hukuman ke atas meninggalkannya. Ini berdasarkan kepada *al-ma'thur* yang dinukilkan dari al-Kafi sepertimana yang disebut dalam kitab *al-Hidayah* dan kesimpulannya '*Khitan adalah sunnah pada hak lelaki dan penghormatan pada hak perempuan.*'
3. *Fuqaha'* telah berijma' adalah lebih baik *khitan* perempuan bagi menjaga dan mengawal dari terdedah kepada bengkaknya anggota dan membesarnya alat kelamin yang zahir (diluar), reaksi-reaksi kejiwaan yang akan menyema-rakkan naluri seksual yang mengakibatkan berlakunya ransangannafsu dalam keadaan ianya tertekan atau jatuh ke jurang kejahatan jika dilepasbebaskannya, khusus-nya dalam kalangan anak muda.
4. *Khitan* yang diambilkira oleh syariat Islam ialah dengan membuang bahagian yang ketara daripada 'kelentit' yang jelas kelihatan dari kulit untuk direndahkannya kepada kedudukannya agar ia tidak menjadi ransangan seks disebabkan geseran, pakaian, menunggang kenderaan atau lainnya. Sebab itu dalam bahasa Arab *khitan* perempuan diistilahkan sebagai '*khafdan*' (bermakna merendahkan) dan wanita yang menjalankan profesion ini dinamakan '*Khafidah*', orang yang merendahkan, sama seperti Mak Bidan dinamakan dengan '*Qabilah*' wanita yang menyambut kerana dia menyambut kelahiran bayi.
5. Tidak syak lagi *khitan* perempuan dalam bentuk ini – iaitu menanggalkan bahagian yang nampak ketara di samping mengekalkan bahagian yang tidak menonjol – membawa kepada sihatnya tubuh, cantik dari segi kewanitaan, mempertahankan keadaan terpelihara dan kemuliaan, di samping mengekalkan nafsu seks dalam kadar yang munasabah yang tiada cacat celanya.

6. Membuang sepenuhnya kelentit dari perdunya dan menanggalkan kulit dalaman keseluruhannya sepertimana yang diamalkan oleh penduduk kampung di beberapa negara, tidak diperakui oleh syarak, bahkan itu adalah *bid'ah* yang keji. Ia diistilahkan dengan *al-Khitan al-Fir'auni*. Ini memandangkan amalan ini akan menghilangkan terus sebarang citarasa kewanitaan yang mungkin mengakibatkan timbul unsur *zuhud* dalam mencari jalan-jalan ke arah peranakan.

Dari keterangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa *khitan* perempuan adalah suatu kemuliaan kepadanya, lebih-lebih lagi bagi mereka-mereka yang berada dinegara-negara panas. Jika amalan *khitan* perempuan tidak diamalkan, sudah pasti udara panas ini akan membangkitkan rangsangan nafsu seks yang rakus dan dengan itu akan hilanglah rasa segan dan malu dalam melakukan maksiat

#### ***Al-Khitan al-Fir'auni:***

Terdapat satu bentuk *khitan* yang diamalkan oleh orang-orang Mesir dahulu kala bahkan ia diamalkan oleh orang-orang asli di Australia, sebahagian dari benua Afrika, Amerika Selatan dan juga dalam kalangan sebahagian orang-orang Islam dewasa ini seperti dalam kalangan penduduk kampung di Mesir.<sup>38</sup>

*Al-Khitan al-Fir'auni* di takrifkan sebagai “Memotong sebahagian atau keselu-ruhan alat kelamin luar bagi wanita.”<sup>39</sup>

Dari takrifan ini dapat dirumuskan bahawa '*al-Khitan al-Fir'auni*' terbahagi kepada dua jenis:

1. Membuang kelentit seluruhnya berserta dua lapisan kulit yang mengelilinginya. Ditahan daripada turunnya darah (*nazif/bleeding*) melalui tekanan atau tampa-lan. Proses ini membabitkan 75% dari perempuan yang dikhatankan.<sup>40</sup>

<sup>38</sup>Encyclopedia Britannica, di nukilkan ke dalam buku, Dr..Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, Jeddah: Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi', hlm. 69.

<sup>39</sup>*Ibid.*

<sup>40</sup>Nahid Tubia, (ter. Dr. Muhammad 'Abd al-'Alim), 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-'Inas*, t. Pen., hlm. 14.





Maksudnya:

“Tidak harus melakukan kemudaratan, dan tidak harus saling memudaratkan.”

### **Kemudaratan *al-Khitan al-Fir'auni***

1. Khatan jenis ini akan menyebabkan berlakunya ‘*aib shar’i*’ bagi wanita iaitu lubang *faraj* tertutup dengan daging (*al-ratq*) yang mengakibatkan persetu-buhan tidak boleh dilakukan.<sup>44</sup>
  2. Apa yang dialami oleh wanita dari kesakitan yang pedih dalam persetubuhan dengan suaminya,<sup>45</sup> khususnya pada hari-hari pertama perkahwinan.<sup>46</sup> Kesakitan ini adalah hasil dari kesukarannya dalam bersetubuh, atau hasil dari segi kejiwaannya kerana malunya dengan keadaan fisikalnya dan yang lebih *rajih* ialah berhimpunnya kedua-dua faktor ini.<sup>47</sup>
3. Proses *khitan* ini akan menyebabkan kemandulan bagi perempuan.<sup>48</sup>
4. Kesakitan yang dialami oleh wanita semasa proses bersalin - tambahan kepada kesakitan kerana menolak bayi keluar. Setiap wanita yang melalui *Khitan Fir'auni* ini akan memerlukan kepada dibuat pembedahan untuk membolehkan janin keluar. Jika bidan yang terlatih memecahkan tutupan kulit yang berlaku disebabkan oleh *al-Khitan al-Fir'auni* ini, maka proses bersalin menjadi kompleks dan memakan masa yang panjang. Dengan itu, akan mendedahkan ibu dan bayi kepada kesukaran-kesukaran yang mengancam nyawa kedua-dua mereka.<sup>49</sup>

---

<sup>43</sup>Riwayat Ibn Majah, Kitab: al-Ahkam, Bab: Man Bana fi Hqqihi ma Yadurru bi Jarihi, hadith: 2332 Ahmad ibn Hanbal, hadith: 2719, dan Imam Malik, *Nuwatta' Imam Malik*, Kitab: al-'Uqdiyyah, Bab: al-Qada' fi al-Rifq, hadith: 1224.

<sup>44</sup>Lihat: *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, juzu'33, hlm. 230.

<sup>45</sup>Dr..Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, hlm. 72.

<sup>46</sup>Abduh 'Isa, 1407H., *Fiqh al-'Ussrah al-Muslimah*, Beirut; Dar al-Jayl, hlm. 60.

<sup>47</sup>Nahid Tobia, 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-'Inas*, hlm. 19.

<sup>48</sup>Al-Amin Dawud, al-Khifad al-Fir'auni, hlm. 21, satu rencana yang dilampirkan dalam kitab *al-Hukm al-Shari fi al-Khitan*, oleh Muhammad Sabbagh, 1995, Beirut; al-Maktab al-'Iqlimi li al-Sharq al-'Awsat,

<sup>49</sup>Nahid Tobia, 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-'Inas*, hlm. 19.

5. Berlakunya kecacatan pada anggota kelamin yang meninggalkan kesan kejiwaan ke atas wanita seperti perasaan muram (*al-ikti'ab*), gangguan emosi (*al-tawattur al-'asabi*) dan jiwa yang kacau (*al-qalaq al-nafsi*).<sup>50</sup>
6. Melemahkan nafsu seks wanita – atau akan menghilangkan terus – maka wanita akan mengalami ‘keinginan seksual’ (*al-burud al-jinsi*). Ini akan merosakkan kehidupan perkahwinan pada masa akan datang dan ia menjadi suatu kesukaran dalam memenuhi runtunan nafsu perempuan.<sup>51</sup>
  7. Rosaknya saluran kencing yang akan menyebabkan kesukaran-kesukaran yang berterusan sepanjang hayat kerana akan berlaku kerosakan bilamana seseorang tukang *khitan* yang tidak terlatih melakukan *khitan* atau kesan dari gerakan yang tidak diduga bilamana perempuan yang hendak dikhatankan itu ingin lari dari pengkhatannya.<sup>52</sup>
8. Trauma pembedahan yang berlaku kesan dari penurunan yang tidak semena-mena pada fungsi tubuh badan. Satu dari trauma luaran pada ghalibnya dikesani oleh pembedahan tanpa dibius – ini yang pada ghalibnya berlaku pada *al-khitan al-fir'auni* – yang mungkin membawa maut kepada kanak-kanak perempuan kesan dari jatuhnya tekanan darah dan pernafasannya. Hatta kalau digunakan dadah sekalipun rasa sakit pada bahagian kelentit akan datang selepas dua atau tiga jam selepas berkhatan. Perkara-perkara ini akan menyebabkan berlakunya trauma yang diwarisi oleh kanak-kanak perempuan yang tidak dapat dilupakan sepanjang hayatnya.<sup>53</sup>
  9. *Khitan* ini menyakitkan saluran kencing dan kemudiannya akan menyebabkan berlakunya keadaan kencing tertahan dan begitu juga terhalang darah haid, bahkan akan berlaku kesakitan yang berganda-

---

<sup>50</sup>Muhammad Sabbagh, 1995, *al-Hukm al-Sharí fi al-Khitan*, hlm. 13.

<sup>51</sup>Al-Amin Dawud, *al-Khifad al-Fir'auni*, hlm. 21, satu rencana yang dilampirkan dalam kitab *al-Hukm al-Sharí fi al-Khitan*, oleh Muhammad Sabbagh, 1995, hlm. 21 dan Dr. Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, hlm. 72.

<sup>52</sup>Nahid Tobia, 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-'Inas*, hlm. 18.

<sup>53</sup>*Ibid.*

ganda disebabkan bengkak-bengkak yang mengenai anggota-anggota yang lain seperti tengkuk rahim kemudian bengkak kulit rahim.<sup>54</sup>

10. Berlaku pencemaran dan masuknya kuman-kuman ke dalam pelvis wanita yang membawa kepada jatuh sakit dan menyebabkan berlakunya bengkak. Kemungkinan berlakunya turunnya darah yang banyak selepas pembe-dahan yang mungkin membawa kepada matinya kanak-kanak yang dikhatankan.<sup>55</sup>

### ***Khitan Perempuan Antara Tuntutan Shara' Iwn. Menjaga Hak Asasi Manusia***

Menurut syarak memotong sebahagian dari hujung kelentit wanita (*clitoris*) di-istilahkan sebagai '*Khitan Perempuan*' (*khitan al-untha*), sedangkan menurut pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Hak-hak Asasi Manusia Antarabangsa (International Human Rights) dan Organisasi Kesihatan Sedunia (World Health Organization) ianya sebagai tindakan '*Mencacatkan Kemaluan Wanita*' (*Female Genital Mutilation*). Ini seolah-olah menampakkan *khitan* perempuan dari sudut syarak adalah suatu tuntutan syarak, sedangkan mengikut pejuang-pejuang hak asasi manusia ianya seolah-olah satu kesalahan jenayah kerana melalui berkhatan mendatangkan kecacatan terhadap orang lain (*mutilation/tashwih*). *Mutilation/Tashwih* dalam Kamus Undang-undang ianya disebut sebagai, "Mengenakan luka-luka yang serius yang tidak dapat dihapuskan kesan-kesannya (parutnya), begitu juga jika dimusnahkan salah satu dari deria orang yang terkena jenayah atau dipotong anggota darinya atau mengendalakan manfa'atnya secara menyeluruh atau sebahagian atau mendatangkan kecacatan yang kekal."<sup>56</sup>

Bagi golongan yang anti-khitan perempuan mereka telah membawa fakta-fakta mengenainya sepertimana menurut sebuah artikel yang dikeluarkan oleh World Health Organization (WHO) pada 31 Januari 2018. Fakta-fakta Tentang Mencacatkan Kemaluan Perempuan (MKP)/Female Genital Mutilation (FGM) adalah seperti berikut:

---

<sup>54</sup>*Ibid*, dan al-Amin Dawud, 1995, *al-Hifad al-Fir' auni*, hlm. 21.

<sup>55</sup>Dr. Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, hlm. 71, al-Amin Dawud, 1995, *al-Hifad al-Fir' auni*, hlm. 21 dan Nahid Tobia, 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-'Inas*, hlm. 17.

<sup>56</sup>Lihat: Harith Suleiman Faruqi, 1982, *Faruqi's Law Dictionary*, Beirut: Libraire Du Liban, hlm. 468.

1. Mencatatkan Kemaluan Wanita (MKW)/Female Genital Mutilation (FGM) merangkumi prosedur-prosedur yang secara sengaja mengakibatkan kecacatan pada organ-organ alat sulit wanita bukan dengan alasan-alasan perubatan.
2. Prosedur tersebut tiada sebarang faedah kesihatan bagi kanak-kanak perempuan atau kaum wanita.
3. Prosedur-prosedur yang dijalankan mungkin menyebabkan pendarahan yang teruk, masalah dalam membuang air kecil dan akhirnya membawa kepada organ berongga dan berair, jangkitan-jangkitan kuman, begitu juga komplikasi semasa proses melahirkan anak dan penambahan risiko kematian anak yang baru lahir.
4. MKP/FGM kebanyakannya dijalankan ke atas kanak-kanak perempuan muda yang berada antara alam bayi hingga berumur 15 tahun.
5. MKP/FGM adalah suatu pelanggaran ke atas Hak Asasi Manusia kanak-kanak perempuan dan wanita.

Mengikut satu laporan lain, dikatakan 200 milion kanak-kanak perempuan dan wanita telah melalui proses ini di 30 buah negara Afrika, Timur Tengah dan Asia<sup>57</sup> dan 3 milion lagi kanak-kanak perempuan akan melalui pengalaman ini pada setiap tahun pada masa hadapan di serata dunia.<sup>58</sup>

Menurut laporan ini lagi terdapat empat bentuk prosedur MKP/FGM ini:

1. Dirujuk sebagai '*clitoridectomy*', iaitu pembuangan sebahagian atau sepenuhnya kelentit (*clitoris*) dan dalam keadaan kes-kes terpencil cuma dibuang kulit yang mengelilingi kelentit (*prepuce*).

---

<sup>57</sup>UNICEF, 2016 Female Genital Mutilation/cutting: a global concern. Geneva 2016 <http://data.unicef.org/resources/female-genital-mutilation-cutting-a-global-concern.html>. diakses pada 20 Feb. 2019.

<sup>58</sup>UNICEF, Female Genital Mutilation/cutting: a statistical overview and exploration of the dynamics of change. New York 2013 <http://data.unicef.org/resource/female-genital-mutilation-cutting-a-statistical-overview-and-exploration-of-the-dynamic-of-change>, diakses pada 20 Feb 2019.

2. Dirujuk sebagai '*excision*', iaitu pembuangan sebahagian atau sepenuhnya kelentit (*clitoris*) dan *labia minoria* (dua balutan kulit yang memanjang ke belakang pada setiap permukaan kemaluan wanita).
3. Dirujuk sebagai '*infibulation*', iaitu proses menyempitkan permukaan kemaluan dengan cara membentuk tutupan yang melitupi. Tutupan ini dibentuk dengan dipotong atau ditempatkan semula *labia minora* atau *labia majora* kadangkala dengan mengetipnya atau tanpa membuang kelentit (*clitori-dectomy*).
4. Semua prosedur yang tidak memudaratkan kepada kemaluan wanita dan bukan dengan tujuan-tujuan perubatan seperti menyusuk, menindik, mengukir, menggores atau menyelar.<sup>59</sup>

Walaupun sudah berdekad-dekad usaha-usaha digerakkan bagi menghindarkan amalan ini dari berterusan, namun usaha-usaha semasa masih tidak upaya secara efektifnya mencegah kanak-kanak perempuan dan wanita terhindar dari amalan ini. Justeru, usaha-usaha antarabangsa yang dijalankan adalah lebih kepada usaha mencegah amalan ini dari berterusan, bukan membasmikannya. Ini disebabkan sebahagian dari negara-negara yang terlibat dengan amalan ini menjadikannya suatu adat yang sudah lama berakar umbi dalam kalangan mereka sejak zaman berzaman.

Namun, pada 6 Februari 2019 Bangsa-bangsa Bersatu melalui tiga orang pengarah agensi-agensinya Henrietta Fore, Pengarah Eksekutif United Nation International Children's Emergency Fund (UNICEF), Natalia Kanem, Pengarah Eksekutif United Nation Population Fund (UNFPA) dan Phumzile Mlambo-Ngcukam Pengarah Eksekutif United Nation Woman telah mengeluarkan kenyataan menggesa tindakan diambil bagi mengisytiharkan tahun 2030 sebagai tahun membasmikan MKP/FGM dengan perisytiharan hari zero toleransi kepada MKP/FGM (Day of Zero Tolerance for Female Genital Mutilation).<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup>UNICEF, Female Genital Mutilation/cutting: a statistical overview and exploration of the dynamics of change. New York 2013 <http://data.unicef.org/resource/female-genital-mutilation-cutting-a-statistical-overview-and-exploration-of-the-dynamic-of-change>, diakses pada 20 Feb 2019.

<sup>60</sup>Eliminating female genital mutilation by 2030:UN – Xinhua|English news.cn, yang diakses pada 3.3.2019.

Menurut kenyataan ini lagi, MKP/FGM dalam jangka masa yang panjang akan membawa kesan-kesan fizikal, psikologikal dan sosial. Ia merupakan pelanggaran ke atas hak-hak asasi wanita untuk mendapat kepuasan seksual dan proses pembiakan (*reproductive*) yang sihat, integriti fizikal, tiada diskriminasi dan bebas dari penginayaan. Bahkan mereka menekankan “*Ianya juga adalah pelanggaran ke atas etika perubatan. Ini memandangkan MKP/FGM tidak pernah selamat, tidak kira siapa yang menjalankannya atau sebersih manapun tempat di mana ianya dijalankan.*”

Kenyataan itu menambah, MKP/FGM merupakan suatu bentuk keganasan berdasar-kan jantina (*gender*) dan dalam usaha untuk menghapuskannya maka punca ketidaksamarataan antara lelaki dan perempuan hendaklah ditangani terlebih dahulu dan masyarakat antarabangsa perlu berkerja keras untuk mencapai penurunan kuasa sosio-ekonomi kepada wanita.

### **Kesimpulan**

Pada pandangan penulis dalam masyarakat Islam, kontroversi mengenai ‘*Khitan Perempuan*’ ini timbul disebabkan wujudnya tiga aliran pemikiran tentangnya: Pertama: Golongan sekularis yang fanatik yang menolak ajaran-ajaran agama menyebabkan mereka terlibat dengan penentangan terhadap sebarang bentuk *khitan*, termasuk *khitan* lelaki yang dianggap sebagai penginayaan ke atas kanak-kanak (*child abuse*). Kedua: Golongan tradisionalis yang jahil yang berpaut kuat kepada tradisi budaya bangsa yang merangkumi tindakan mencederakan alat kelamin perempuan (Female Genital Mutilation) yang dipertahankan oleh mereka sebagai ‘*Khitan Perempuan*’. Ini berlaku dalam *al-khitan al-fir’auni* yang diamalkan dalam sebahagian benua Afrika dan negara-negara Arab. Di antara kedua-dua aliran yang ekstrim ini, terdapat aliran ketiga yang menyatakan proses *khitan* perempuan ini hanya mengenai sebahagian dari bahagian kelentit (*clitoris*) yang terdapat di atas saluran kencing yang berbentuk seperti balung ayam jantan (*’urf al-dik*) yang dikekalkan perdunya. Pendapat dan amalan ini adalah sesuatu yang boleh diterima. Ini memandangkan kesannya tidaklah mendatangkan kemudaratan bahkan sebaliknya kebaikan.

Sementara itu, ia tidak boleh dianggap sebagai pelanggaran ke atas hak asasi kanak-kanak dan wanita, apatah lagi mencetuskan perbezaan dari segi hak jantina antara lelaki dengan perempuan jika dikaitkan dengan isu ini. Tidak terdapat mana-mana *ulama*’ yang menegah dari *khitan* jenis ini, bahkan terdapat sego-longan yang mewajibkannya. Ini bermakna, tuntutan *khitan*

perempuan ini adalah untuk menjaga kepentingan *hajiyyat* (*necessaries*) iaitu keperluan manusia kepada kelapangan dan mengangkat kesempitan dan *tahsiniyyat* (*embellishment*) iaitu tuntutan penyempurnaan dan pengindahan, bukan untuk menjaga kepentingan *daruriyyat* (*essential*) iaitu tindakan yang perlu dan semestinya dilakukan untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia serta mengawal tujuan-tujuan syari'at (*maqasid al-shari'ah*). Maka dengan itu, ini bermakna ia adalah sesuatu yang digalakkan.

Di samping itu, tidak boleh dibiarkan pemikiran yang menegahnya tersebar luas dalam kalangan umat Islam, walaupun datangnya dari perakuan pakar perubatan. Ini disebabkan ilmu kedokteran adalah satu cabang 'sains ekperimental' yang fakta-faktanya sentiasa berubah. Lantaran itu, terdapat perbezaan pendapat di antara para doktor perubatan sendiri, ada yang menegahnya dan ada pula yang mengharuskan kerana *khitan* ini dari segi kejiwaannya boleh mengekang dari gejolak nafsu syahwat. Apatah lagi pada zaman remaja yang merupakan zaman yang paling mencabar dalam kehidupan seseorang remaja perempuan. Ini jelas pada ta'biran dalam sebahagian dari *hadith* yang menyebut *khitan* perempuan ianya sebagai '*makrumah*' (sesuatu yang dimuliakan) yang memberi petunjuk kepada kita, bahawa disana ada kawalan yang bersifat preventif, jalan mencapai kemurnian dan hubungan suami isteri yang lebih intim bagi wanita yang berkhitan.

*Wallahua'alam.*

## Rujukan

### *Al-Qur' an al-Karim*

*Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif, al-Kutub al-Sittah*, 1421H., (cet. 111), al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

'Abduh 'Isa, 1407H., *Fiqh al-'Usrah al-Muslimah*, Beirut: Dar al-Jayl.

'Ala al-Din Abi al-Hasan 'Ali ibn Sulayman al-Mardawi, 1377H., *al-Insaf fi Ma'rifat al-Rajih min al-Khilaf*, Beirut: Dar ihya' al-Turath al-'Arabi.

'Ala al-Din Abi Bakr ibn Mas'ud al-Kasani al-Hanafi, 1406H., *Badai' al-Sanai'*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

'Ali ibn Hazm al-Zahiri, t.th., *al-Muhalla*, Beirut: Dar al-Ufuq al-Jadidah.

Abu Bakar Ahmad ibn al-Hasan al-Bayhaqi, 1345H., *al-Sunan al-Kubra*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.



Abu Bakar Mahy al-Din ibn Sharaf al-Nawawi, t.th., *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, Jeddah: Maktabah al-'Irshad.

Abu Bakr 'Abd al-Razak, 1989, *al-Khitan: Raky al-Din wa al-'Ilm fi Khitan al-Awlad wa al-Banat*, al-Qaherah: Dar al-I'tisam.

Abu Fadl 'Abd al-Rahim ibn al-Husyan al-'Iraqi, 1354H., *Tarh al-Tathrib fi Sharh al-Taqrīb*, al-Qaherah: Jam'iyyat al-Nashr wa al-Ta'lif al-Azhariyyah.

Abu Muhammad 'Abd Allah ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th., *al-Mughni Ma'a al-Sharh al-Kabir*, al-Riyad: Maktab al-Riyad al-Hadithah.

Abu Muhammad al-Dardiri al-'Udwi, 1398H., *al-Sharh al-Saghir Ma'a Bulghat al-Masalik*, Beirut: Dar al-Ma'rifah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Abu al-Qasim Sulayman ibn Ahamad al-Tabrani, 1319H., *al-Mu'jam al-Kabir*, Baghdad: al-Dar al-'Arabiyyah li al-Tiba'ah.

'Abd Allah ibn 'Abd al-Rahman al-Qayrawani, 1374H., *al-Fawakih al-Dawani*, al-Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa 'Awladih.

al-Shaik Muhammad Shaltut, 1402H., *al-Fatawa*, al-Qaherah: Dar al-Shuruq.

al-Shaikh Nazzam dan Jama'atun min Ulama' al-Hind al-A'alam, 1393H., *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Beirut: Dar al-Ma'rifah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

Dr. Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, Jeddah: Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi', hlm. 46.

Dr. Nur Sayyed Rashid, t.th., *Wida'an li al-Khilaf fi Amr al-Khitan*, Mesir: Dar al-Wafa'.

Dr. Yusuf al-Qardawi, 2001, *Fatawa Mu'asirah*, Kuwait: Dar al-Qalam, juzu'1, hlm. 443.

Dr. Muhammad 'Ali al-Bar, 1414H., *al-Khitan*, Jeddah: Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Harith Suleiman Faruqi, 1982, *Faruqi's Law Dictionary*, Beirut: Libraire Du Liban, hlm. 468.

Kamal al-Din Muhammad 'Abd al-Wahid al-Siwasi al-Sakandari (Ibn al-Humam), 1389H., *Sharh Fath al-Qadir*, al-Qaherah; Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halabi wa 'Awladih.

Mansur ibn Yunus ibn 'Idris al-Bahuti, t.th., *Sharh Muntaha al-'Iradat*, Beirut: dar al-Fikr.

Muhammad Amin Ibn 'Abidin, t.th., *Hashiyat Radd-al-Mukhtar- 'ala- al-Durr -al-Mukhtar*, al-Qaherah: Dar al-Fikr

Muhammad ibn Ahmad (Ibn Juzay), 1405H., *al-Qawanin al-Fiqhiyyah*, al-Qaherah: ‘Alam al-Fikr.

Muhammad Sabbagh, 1995, *al-Hukm al-Shar’i fi al-Khitana*, Beirut; al-Maktab al-‘Iqlimi li al-Sharq al-‘Awsat.

Muhammad Sharbini al-Khatib, 1377H., *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifat Alfaz al-Minhaj*, al-Qaherah: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa ‘Awaladiah.

Nahid Tubia, (ter. Dr. Muhammad ‘Abd al-‘Alim), 1995, *al-Tashwih al-Jinsi li al-‘Inas*, t. pen.

Shams al-Din Muhammad ibn Abi Sahl al-Sarkhasi, 1409H., *al-Mabsut*, Beirut: Dar al-Fikr.

Shams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad (Ibn Muflih), 1388H., *al-Furu’*, Beirut: ‘Alam al-Kutub.

Shams al-Din Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, t.th., *Tuhfat al-Mawdud fi Ahkam al-Mawlud*, al-Qaherah: al-Maktabah al-Qayyimah.

Sulayman ibn Khalaf al-Baji al-Andalusi, 1332H., *al-Muntaqa Sharh al-Muwatta’*, Beirut: Dar al-Fuikr al-‘Arabi.

**Akses Internet:**

Eliminating Female Genital Mutilation by 2030:UN – Xinhua|English news.cn, yang diakses pada 3.3.2019.

UNICEF, 2016 Female Genital Mutilation/cutting: a global concern. Geneva 2016 <http://data.unicef.org/resources/female-genetial-mutilation-cutting-a-global-concern.html>.diakses pada 20 Feb. 2019.

UNICEF, Female Genital Mutilation/cutting: a statistical overview and exploration of the dynamics of change. New York 2013 <http://data.unicef.org/resource/female-genital-mutilation-cutting-a-statistical-overview-and-exploration-of-the-dynamic-of-change>, diakses pada 20 Feb 2019.

UNICEF, Female Genital Mutilation/cutting: a statistical overview and exploration of the dynamics of change. New York 2013 <http://data.unicef.org/resource/female-genital-mutilation-cutting-a-statistical-overview-and-exploration-of-the-dynamic-of-change>, diakses pada 20 Feb 2019.